

09 NOV 1998

Filipina-Asean

MANILA CADANG PERBINCANGAN DUA HALA DENGAN KL

MANILA, 9 Nov (Bernama) -- Filipina bercadang mengadakan perbincangan dua hala dengan Malaysia dan anggota-anggota Asean lain semasa sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Kuala Lumpur, kata seorang pegawai hari ini.

Jurucakap rasmi Jerry Barican berkata, permintaan bagi perbincangan dua hala itu telahpun disampaikan, tetapi butir-butir masih belum ditetapkan lagi.

"Apabila ia sudah ditetapkan, jadual perbincangan itu akan diumumkan," kata beliau dalam majlis taklimat media.

Presiden Joseph Estrada sebelum ini telah menyatakan cadangan beliau untuk bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memperkukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Barican berkata, pertemuan dengan Dr Mahathir disyorkan oleh Setiausaha Hal Ehwal Luar Domingo Siazon, antara pegawai kanan yang mengiringi Estrada ke persidangan itu.

"Perkara ini masih dikaji oleh kedua-dua kerajaan dan kita akan memberitahu anda mengenai perkembangan terkini nanti," kata Barican.

Beliau berkata, Siazon juga mengatur pertemuan antara Estrada dan pemimpin negara-negara APEC seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan Chile.

Beliau berkata, pertemuan dengan pemimpin China Jiang Zemin akan menumpukan kepada pertikaian antarabangsa terhadap kepulauan Spratlys di Laut China Selatan.

-- BERNAMA

ALJ PR